

07 JUN 1997

Agong-Anwar

RAKYAT MESTI SEDAR TUGAS MEMACU PEMBANGUNAN NEGARA, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata setiap individu di sektor awam dan swasta malah setiap rakyat mestilah sedar bahawa mereka mempunyai tugas dan tanggungjawab memacu pembangunan negara supaya lebih mapan dan berdaya saing.

"Semua kekuatan yang kita miliki seperti kestabilan politik, keharmonian perpaduan kaum, kekuatan mental dan semangat berusaha dengan lebih gigih mestilah dipertahan dan diperturunkan kepada generasi akan datang," katanya.

Anwar berkata demikian ketika menyembahkan ucapan tahniah dan ikrar taat setia pada majlis menghadap dan istiadat pengurniaan darjah kebesaran sempena ulangtahun hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara pagi ini.

"Kita mesti sedar cabaran yang mendatang dalam era kesejagatan memerlukan kepekaan dan kekuatan yang lebih jitu untuk kita mengekalkan kemajuan yang dicapai hari ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan bangga dan bersyukur dengan kejayaan yang dicapai setakat ini, namun ia sentiasa insaf bahawa mempertahankan kejayaan lebih sukar daripada menciptanya.

Mengenai program meningkatkan mutu kehidupan rakyat yang dilaksanakan sekarang, Anwar berkata kemajuan akan menjadi tempang jika masih ada golongan yang tercicir dan tersisih daripada arus pembangunan.

Katanya kerajaan yakin menjelang tahun 2000, isu kefakiran akan dapat ditangani sepenuhnya memandangkan prinsip keadilan sosial dan pendemokrasian ekonomi akan terus diperhebatkan melewati setiap desa dan kelompok masyarakat termasuk yang daif, cacat, wanita dan kanak-kanak.

Beliau berkata setiap individu dalam masyarakat tanpa mengira kaum, agama dan budaya mestilah sama-sama menikmati hasil pembangunan.

"Dengan adanya kestabilan politik, disokong oleh kepimpinan yang berwawasan dan rakyat yang progresif, kita yakin Insya-Allah, Malaysia akan terus mara dengan lebih tangkas dan berani mencipta pelbagai lagi kejayaan di masa hadapan.

"Di samping menekankan kemajuan ekonomi dan teknologi, kerajaan juga mengutamakan kemajuan kerohanian, kejiwaan, sosial dan politik dan kita mahu mencipta kemajuan mengikut acuan kita sendiri," katanya.

Menurut Anwar, kerajaan mahu melihat rakyat menikmati kehidupan lebih baik tetapi pada masa yang sama kerajaan tidak melupai agama, nilai dan budaya yang menjadi tunjang kekuatan.

Katanya benteng pertahanan yang kebal perlu dibina dalam jiwa setiap rakyat bagi menghadapi pelbagai dugaan dan gejala sosial yang datang bersama dengan era pembangunan.

Mengenai kemajuan di sektor perindustrian dan perkhidmatan, Anwar berkata kerajaan akan terus menyediakan pelbagai galakan, bantuan dan sokongan bagi memastikan sektor swasta menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi.

"Sehubungan itu kerajaan berharap sektor swasta tidak mengambil sikap tangkai jering untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan termasuk pembangunan sumber manusia bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka," katanya.

Kesatuan sekerja juga mestilah terus mengekalkan hubungan perindustrian yang harmonis dengan menyelesaikan masalah melalui rundingan dan

permuafakatan.

Pemangku Perdana Menteri berkata dasar kerajaan yang pragmatik bukan saja membantu pembangunan ekonomi negara malah turut menjamin keadilan sosial untuk seluruh rakyat dan langkah itu akan terus diperhebat termasuk melalui projek penswastaaan dan sumbangan sektor swasta.

Kerajaan juga, katanya, akan meningkatkan usaha melahirkan usahawan dan masyarakat perdagangan terutama di kalangan Bumiputera, dan tumpuan kini ialah melahirkan usahawan dan peniaga kelas menengah termasuk usahawan wanita.

Di arena antarabangsa pula, Anwar berkata pelbagai penghormatan yang dianugerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah lambang pengiktirafan masyarakat antarabangsa terhadap kejayaan dan sumbangan Malaysia.

Mengenai pembangunan teknologi maklumat, Anwar berkata walaupun di peringkat awal ada pihak yang mempertikaikan kemampuan Malaysia menjayakan Koridor Raya Multimedia (MSC), namun hasil kegigihan Dr Mahathir, semua pihak kini mulai yakin dengan matlamat dan kejayaan multimedia.

"Selepas berjaya menghimpunkan tokoh dan pakar dalam bidang multimedia Amerika tahun lalu, MSC kini mendapat sambutan di kalangan usahawan multimedia Eropah, dan ceramah Dr Mahathir di London baru-baru ini mendapat sambutan yang sungguh luar biasa," katanya. -- BERNAMA

ZAB MAI